

**Bandar Sierra, 10 Mei** – Sempena sambutan Hari Guru peringkat Sekolah Menengah La Salle, kumpulan Qasidah SRI Al-Hafidz telah dijemput untuk membuat persembahan pada majlis

tersebut di sini, hari ini.

Menurut Guru Pembimbing, Ustaz Razlie Omar, persembahan di SM La Salle agak berbeza dengan persembahan kami sebelum ini, suasana sebak dan sayu apabila ada di kalangan hadirin yang mengalirkan airmata mendengar alunan qasidah memuji Allah dan Rasulnya.

“ Apabila penonton menitikkan air mata melihat persembahan kami, membuatkan kami merasa cukup terharu, semoga pelajar yang terlibat akan memartabatkan islam di muka bumi ini”. Katanya.

Antara selawat yang dipersembahkan oleh Qasidah SRI Al-Hafidz yang diketuai oleh Ustaz Razlie ialah ‘Selawat Thobibiyah, Ya Thoyyibah dan Solatun Bisalamil Mubin.

Sehubungan itu, semoga Qasidah SRI Al-Hafidz semakin maju dan mampu meningkatkan kualiti persembahan dengan adanya jemputan rasmi ataupun tidak rasmi.

Untuk melihat gambar semasa majlis berlangsung sila klik [di sini](#).

Marilah kita menambahkan akaun akhirat dengan memberi sumbangan bagi menjayakan dan mempertingkatkan SRI Al-Hafidz. Sebarang sumbangan untuk SRI Al-Hafidz boleh dihulur ke akaun atas nama sekolah agama rakyat Al-Hafidz melalui:

## Qasidah SRI buat persembahan di SM La Salle

Written by Suliani Sedik

Friday, 10 May 2013 19:57 - Last Updated Friday, 17 May 2013 12:06

---

i)Bank Islam                    No Akaun 100 160 100 782 10

ii)Maybank Islamik        No Akaun 560 214 005 477

iii)Bank Muamalat        No Akaun 1001-0002266-71-8

{flike}{fcomment}